		1																
		1																

		<i>molecules and pepsin are low.</i>			
	P5	Hanya sedikit sahaja molekul protein dihidrolisis oleh pepsin. <i>Only a small amount of protein molecules is hydrolysed by pepsin.</i>	Banyak molekul protein dihidrolisis oleh pepsin. <i>High amount of protein molecules is hydrolysed by pepsin.</i>		1
	P6	Pembentukan polipeptida adalah sedikit. <i>Less formation of polypeptides.</i>	Pembentukan polipeptida adalah banyak. <i>Many formations of polypeptides.</i>		1
					5
(ii)	<p>Dapat menerangkan keadaan enzim pepsin dan tindak balas enzim itu selepas titik R.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>P1 : suhu semakin meningkat <i>the temperature is rising</i></p> <p>P2 : aktiviti enzim pepsin berkurang dengan cepat <i>pepsin enzyme activity decreases rapidly</i></p> <p>P3 : apabila suhu terlalu tinggi, enzim pepsin ternyahasli <i>when the temperature is extreme, the pepsin enzyme is denatured</i></p> <p>P4 : ikatan kimia dalam molekul pepsin terputus <i>the chemical bonds in the pepsin molecule are broken</i></p> <p>P5 : tapak aktif enzim pepsin berubah <i>the active site of enzymes changes</i></p> <p>P6 : enzim pepsin tidak dapat bercantum dengan protein <i>the pepsin enzyme cannot bind to the protein</i></p> <p>P7 : hidrolisis protein terhenti <i>protein hydrolysis is stopped</i></p>				
					5

1(b)(i)	<p>Dapat mewajarkan pemilihan Puan Salmah.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>P1 : sabun pencuci mengandungi enzim biologi <i>detergent contains biological enzymes</i></p> <p>P2 : enzim protease dapat menanggalkan kotoran protein dengan mudah / cepat <i>protease enzymes can remove protein stain easily / quickly</i></p> <p>P3 : enzim lipase dapat menanggalkan kotoran lemak dan minyak lebih mudah / cepat <i>lipase enzymes can remove fat and oil stain easily / quickly</i></p> <p>P4 : pakaian dicuci menggunakan air bersuhu rendah / suam <i>clothes are washed using low temperature / warm water</i></p> <p>P5 : lebih menjimatkan tenaga <i>more energy efficient / saver</i></p> <p>P6 : bahan kimia dalam serbuk pencuci digantikan dengan enzim <i>the chemicals in the detergent powder are replaced with enzymes</i></p> <p>P7 : enzim dalam serbuk pencuci boleh terbiodegradasi <i>enzymes in detergent powder can be biodegradable</i></p> <p>P8 : tidak menyebabkan pencemaran air <i>does not cause water pollution</i></p>	1 1 1 1 1 1 1 1	8
(ii)	<p>Dapat menerangkan mengapa pakaian sutera rosak apabila dicuci menggunakan sabun pencuci jenama X.</p> <p><u>Jawapan</u></p> <p>P1 : sutera terbina daripada protein <i>silk is made up of proteins</i></p> <p>P2 : enzim protease akan menghidrolisis protein sutera <i>protease enzymes will hydrolyse silk proteins</i></p> <p>P3 : struktur protein akan terurai <i>the protein structure will break</i></p>	1 1 1	2

BIOLOGI: TINGKATAN 4
BIOLOGI: FORM 4
BAB 6: PEMBAHAGIAN SEL
CHAPTER 6: CELL DIVISION

KERTAS 1: SOALAN OBJEKTIF
PAPER 1: OBJECTIVE QUESTION

1. Apakah proses yang melibatkan pembahagian nukleus?


What is the process involved in nuclear division?

- A Meiosis I
Meiosis I
- B Meiosis II
Meiosis II
- C Sitokinesis
Cytokinesis
- D Kariokinesis
Karyokinesis

Konstruk : Mengingat

2. Rajah 1 menunjukkan fasa dalam kitar sel.

Diagram 1 shows phases of a cell cycle.



Rajah 1/ Diagram 1

Antara yang berikut, yang manakah betul tentang fasa dalam kitar sel?

Which of the following is correct about the phases in the cell cycle?


	G1	S	G2	Fasa M / M phase
A	Penghasilan ATP <i>ATP production</i>	Pembahagian nucleus <i>Nuclear division</i>	Sintesis organel <i>Synthesis of organelle</i>	Replikasi DNA <i>DNA replication</i>

B	Sintesis organel <i>Synthesis of organelle</i>	Replikasi DNA <i>DNA replication</i>	Penghasilan ATP <i>ATP production</i>	Pembahagian nucleus <i>Nuclear division</i>
C	Penghasilan ATP <i>ATP production</i>	Sintesis organel <i>Synthesis of organelle</i>	Pembahagian nucleus <i>Nuclear division</i>	Replikasi DNA <i>DNA replication</i>
D	Sintesis organel <i>Synthesis of organelle</i>	Penghasilan ATP <i>ATP production</i>	Replikasi DNA <i>DNA replication</i>	Pembahagian nucleus <i>Nuclear division</i>

Konstruk : Mengingat

3. Rajah 2 menunjukkan bilangan sel yang terhasil selepas satu sel mengalami mitosis sebanyak dua kali.

Diagram 2 shows the number of cells produced after a cell has undergone two times of mitosis.



Rajah 2 / Diagram 2


Berapakah bilangan sel yang terhasil jika mitosis berlaku sebanyak dua kali lagi?

How many number of cells produced if mitosis occurs another two times?

- | | | | |
|---|----|---|----|
| A | 4 | B | 8 |
| C | 16 | D | 32 |

Konstruk : Mengaplikasi

4. Rajah 3 menunjukkan salah satu peringkat pembahagian sel dalam manusia.
 Diagram 3 shows one of the stages of a cell division in human.



Rajah 3 / Diagram 3


Antara berikut yang manakah kepentingan pembahagian sel yang ditunjukkan itu?
 Which of the following are the significances of the cell division?

- I Terapi stem menggunakan sel stem daripada sumsum tulang bagi merawat rawan yang rosak.
Stem cell therapy uses stem cells from bone marrows to treat damaged cartilage.
- II Cicak mampu menghasilkan ekor yang baharu (penjanaan semula) sekiranya ekor terputus.
The lizard is able to grow a new tail (regeneration) if the tail breaks.
- III Menjadikan bilangan kromosom anak menjadi separuh.
To halve the chromosomal number of offspring.
- IV Mengurangkan kromosom anak.
To reduce the chromosomal number of offspring.
- A I dan II
I and II
- B II dan III
II and III
- C III dan IV
III and IV
- D I dan IV
I and IV

Konstruk : Menganalisis

5. Rajah 4 menunjukkan nukleus satu sel yang terdapat dalam organ pembiakan seekor haiwan.

Diagram 4 shows the nucleus of a cell found in the reproductive organ of an animal.




Rajah 4 / Diagram 4

Nukleus ini mengalami pembahagian untuk menghasilkan gamet.

Antara berikut, rajah yang manakah menunjukkan nukleus salah satu gamet selepas pembahagian nukleus ini lengkap?

This nucleus undergoes division to produce gametes.

Which of the following diagram shows the nucleus of one of the gametes after the nuclear division is completed?



Konstruk : Memahami

6. Jadual 1 menunjukkan bilangan kromosom yang terdapat dalam gamet beberapa jenis haiwan.

Table 1 shows the number of chromosomes in the gametes for several animal.

Koala	Siput	Zifarah
<i>Koala</i>	<i>Snail</i>	<i>Giraffe</i>
8	12	15

Jadual 1 / Table 1

Berapakah bilangan kromosom bagi sel kulit haiwan-haiwan itu?

What are the chromosomal number of their skin cell?

	Koala <i>Koala</i>	Siput <i>Snail</i>	Zifarah <i>Giraffe</i>
A	8	22	15
B	16	24	30
C	2	3	5
D	24	36	45

Konstruk : Memahami

7. Rajah 5 menunjukkan ciri-ciri seorang kanak-kanak yang mengalami kecacatan genetik.
Diagram 5 shows the characteristic of a child with genetic disorder.



Ciri-ciri / *Characteristics*

- Mata sepet / *Slanted eyes*
- Anggota badan memendek / *Shortened limbs*
- Lidah yang besar / *Large tongue*


Rajah 5 / *Diagram 5*

Apakah punca kecacatan genetik tersebut?

What is the cause of this genetic disorder?


- A Sinapsis tidak berlaku semasa profasa I.
Synapsis does not occur during prophase I.
- B Sitokinesis tidak berlaku semasa telofasa II.
Cytokinesis does not occur during telophase II.
- C Membran nukleus tidak terbentuk semasa telofasa II.
Nuclear membrane did not form during telophase II.
- D Pasangan kromatid tidak terpisah semasa anafasa II.
Sister chromatids did not separate during anaphase II

8. Antara sel-sel berikut, yang manakah hasil meiosis?
Which of the following cell is the product of meiosis?



Konstruk : Mengingat

9. Rajah 6 menunjukkan dua peringkat meiosis.
Diagram 6 shows two stages in meiosis.



Rajah 6 / Diagram 6

Apakah perlakuan kromosom di peringkat P?


What is the chromosomal behaviour at stage P?

- A Kromosom menebal dan memendek.
Chromosomes thicken and condense.
- B Kromosom tersusun pada satah khatulistiwa.
Chromosomes arrange themselves around equatorial plane.
- C Kromosom homolog berpasangan dan pindah silang berlaku.
Homologous chromosomes pair together and crossing over occurs.
- D Kromosom homolog berpisah dan bergerak ke kutub bertentangan.
Homologous chromosomes separate and move to the opposite poles.

Konstruk : Memahami

10. Rajah 7 menunjukkan pembiakan seekor lembu.

Diagram 7 shows a reproduction of cow.



Rajah 7 / Diagram 7

Apakah yang diwakili oleh P, Q dan R?

What is represented by P, Q and R?

	P	Q	R
A.	Mitosis <i>Mitosis</i>	Meiosis <i>Meiosis</i>	Mitosis <i>Mitosis</i>
B.	Mitosis <i>Mitosis</i>	Mitosis <i>Mitosis</i>	Meiosis <i>Meiosis</i>
C.	Meiosis <i>Meiosis</i>	Mitosis <i>Mitosis</i>	Meiosis <i>Meiosis</i>
D.	Meiosis <i>Meiosis</i>	Meiosis <i>Meiosis</i>	Mitosis <i>Mitosis</i>


Konstruk : Mengingat

**KERTAS 2
PAPER 2**

**Bahagian A
[9 markah]**

**SECTION A
[9 marks]**

1. Rajah 1.1 menunjukkan mikrograf keratan rentas hujung akar bawang.
Diagram 1.1 shows a micrograph of cross section tips of onion root.



Rajah 1.1
Diagram 1.1

©JPN PERAK

- (a) Nyatakan jenis pembahagian sel untuk keratan rentas hujung akar bawang.
State the type of cell division of cross section tips of onion root.

.....

[1 markah]

[1 mark]

Konstruk : Mengingat

- (b) Berdasarkan Rajah 1.1, terangkan peringkat S.
Based on Diagram 1.1, explain stage S.

.....
.....
.....


[2 markah]

[2 marks]

Konstruk : Memahami

- (c) Rajah 1.2 menunjukkan daun Bryophyllum sp. dengan anak pokok yang tumbuh di tepi daun.

Diagram 1.2 shows a Bryophyllum sp. with the plantlets growing at the leaf margin.



Rajah 1.2 / Diagram 1.2

Terangkan bagaimana anak pokok tersebut dihasilkan.

Explain how the plantlets are produced.

.....

.....

.....

.....


[3 markah]

[3 marks]

Konstruk : Mengaplikasi

- (d) Rajah 1.3 (a) menunjukkan sel kanser yang terbentuk selepas sel-sel normal terdedah kepada faktor W dan Rajah 1.3 (b) menunjukkan kaedah radioterapi.

Diagram 1.3 (a) shows the cancerous cell which are formed after the normal cell are exposed to factor W and Diagram 1.3 (b) the radiotherapy method.



Rajah 1.3 (a) / Diagram 1.3 (a)



Rajah 1.3 (b) / Diagram 1.3 (b)

- i. Berikan satu contoh faktor W.

Give one example of factor W.

.....

[1 markah]

[1 mark]

Konstruk : Mengingat

- ii. Mengapakah radioterapi digunakan untuk mengawal atau memberhentikan pertumbuhan sel kanser.

Why radiotherapy is used to control or stop the growth of cancer cells.

.....

[2 markah]

[2 marks]

Konstruk : Mengaplikasi


**KERTAS 2
PAPER 2**

**Bahagian C
[20 markah]**

**SECTION C
[20 marks]**

- 1 (a) Terapi sel stem juga dikenali sebagai perubatan regeneratif, membangunkan gerak balas pemulihan tisu-tisu yang dijangkiti penyakit, tidak berfungsi dan tercedera dengan menggunakan sel-sel stem.

Stem cell therapy also known as regenerative medicine, promotes the repair response of diseased, dysfunctional or injured tissues using stem cells.



Rajah 1.1 / Diagram 1.1

Rajah 1.1 menunjukkan aplikasi potensi sel-sel stem manusia.

Diagram 1.1 shows the potential application of human stem cells.

- (i) Berdasarkan Rajah 1.1, berikan maksud sel stem.
Based on Diagram 1.1, give the meaning of stem cell.

[2 markah]

[2 marks]

Konstruk: Mengingat

- (ii) Maklumat berikut adalah mengenai leukemia.
The following information is about leukaemia.

Leukemia ialah kanser darah di mana terlalu banyak sel darah putih dihasilkan dan sel-sel darah putih ini tidak matang secara normal. Ia terkumpul di dalam sum-sum tulang dan juga di dalam darah dan menindas pembentukan sel-sel darah yang normal. Penghasilan sel-sel ini dengan banyak dalam darah akan kehilangan keupayaan untuk menentang penyakit menyebabkan leukemia membawa kematian dengan cepat sekiranya tidak dirawat.

Leukaemia is blood cancer where too many white blood cells are produced and these white blood cells do not mature normally. They accumulate in the bone marrow as well as in the blood and also suppress the formation of normal blood cells. The production of excessive numbers of these cells in the blood and the lost ability to fight infection is what makes leukaemia rapidly fatal if not successfully treated.

Dengan menggunakan pengetahuan biologi anda, wajarkan sama ada terapi sel stem sesuai digunakan untuk merawat kanser seperti leukemia.

By using your biological knowledge, justify whether stem cell therapy is suitable to treat cancer like leukaemia.

[4 markah]

[4 marks]


Konstruk: Menilai

- (b) Rajah 1.2 (a) menunjukkan kaedah penanaman sejenis tanaman di kebun A dan Rajah 1.2 (b) menunjukkan kaedah penanaman berbeza bagi tanaman yang sama di kebun B.

Diagram 1.2 (a) shows a method of growing a type of plant in farm A and Diagram 1.2 (b) shows a different method of growing the same plant in farm B.



Rajah 1.2(a) / Diagram 1.2(a)



Rajah 1.2(b) / Diagram 1.2(b)

- (i) Pada pendapat anda, kebun yang manakah akan menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi dalam tempoh sepuluh tahun akan datang? Berikan alasan bagi pendapat anda.

In your opinion, which farm will generate more profit in next ten years? Give reasons for your answer.

[2 markah]

[2 marks]

Konstruk: Mengaplikasi

- (ii) Pekebun yang menggunakan kaedah ini dalam Rajah 1.2 (b) mendapati kesemua tumbuhannya mati selepas serangan sejenis penyakit.

Cadangkan langkah yang perlu diambil oleh pekebun tersebut sebelum dia memulakan kaedah dalam Rajah 1.2 (b) pada masa akan datang.

The farmer who used method in Diagram 1.2 (b) found that all plants died after being attacked by certain disease.

Suggest ways to be taken by the farmer before he starts the method in Diagram 1.2 (b) in the future.


[2 markah]

[2 marks]

Konstruk: Mencipta

- (iii) Rajah 1.2 menunjukkan sekumpulan tumbuhan orkid yang mempunyai genetik yang sama. Ia juga dihasilkan melalui kaedah seperti Rajah 1.2 (b).

Diagram 1.2 shows a group of orchid plants which are genetically identical. It also produced through methods 1.2 (b).



Rajah 1.2 / Diagram 1.2

Berdasarkan rajah di atas, terangkan teknik bagi menghasilkan tumbuhan ini.

Based on the diagram above, describe the techniques used to produce these plants.


[5 markah]

[5 marks]

Konstruk : Mengaplikasi

- (c) Rajah 1.3 menunjukkan kariotip seseorang dengan ketidaknormalan kromosom.

Diagram 1.3 shows a karyotype of a person with chromosome abnormality.



Rajah 1.3 / Diagram 1.3

Anda dikehendaki menerangkan isu kesihatan tentang ketidaknormalan kromosom yang ditunjukkan dalam Rajah 1.3 kepada seorang wanita yang hamil.

Terangkan ketidaknormalan ini.

You are asked to explain the health issue on the chromosome abnormality shown in Diagram 1.3 to the pregnant mother.

Explain this abnormality.

[5 markah]

[5 marks]

Konstruk : Mengaplikasi

JAWAPAN KERTAS 1

Soalan / Question	Jawapan / Answer
1	C
2	B
3	C
4	A
5	C
6	B
7	D
8	C
9	D
10	D

JAWAPAN KERTAS 2 SOALAN STRUKTUR
BAHAGIAN A

Soalan	Skema Pemarkahan	Markah	Jumlah Markah
1(a)	Mitosis	1	1
(b)	<ul style="list-style-type: none"> • Metafasa <i>Metaphase</i> • Kromosom berbaris pada satah khatulistiwa <i>Chromosome line up at metaphase plate</i> 	1 1	2
(c)	<ul style="list-style-type: none"> • Anak pokok mengalami mitosis <i>Plantlet undergoes mitosis</i> • Mitosis akan menghasilkan sel baharu <i>Mitosis will produce new cell</i> • Sel anak / anak pokok sama seperti sel induk <i>Daughter cell / plantlet identical to parent cell</i> 	1 1 1	3

(d) (i)	Sinar radioaktif / bahan kimia / mutasi <i>Radioactive ray / chemical / mutation</i>	1	1
(ii)	<ul style="list-style-type: none"> Kaedah ini menggunakan sinaran pengion berkuasa tinggi untuk membunuh sel barah. <i>This method uses high-powered ionising radiation to kill cancer cells.</i> Pemberian dos yang tinggi diberikan kepada sasaran (tumor) untuk menyembuhkan, mengawal atau mengurangkan simptom penyakit <i>High dose administration is administered to the target (tumor) to heal, control or reduced symptoms of the disease.</i> 	1 1	2
Jumlah			9

JAWAPAN KERTAS 2 SOALAN ESEI
BAHAGIAN C

Soalan	Skema Pemarkahan	Markah	Jumlah Markah
1 (a) (i)	<ul style="list-style-type: none"> Sel yang boleh membahagi kepada sel-sel baharu yang sama jenis. <i>The cell that can be divided into new cells of the same type.</i> Membeza kepada jenis sel yang lain untuk menjalankan fungsi yang spesifik. <i>Differentiate into other types of cells to carry out specific function.</i> 	1 1	2
(ii)	<ul style="list-style-type: none"> Ya Yes Sel-sel stem diambil dari darah atau sum-sum tulang penderma yang sihat / darah tali pusat <i>Stem cells are collected from the blood or bone marrow of a healthy donor / umbilical cord blood</i> Sel-sel stem akan membeza kepada sel-sel darah yang sihat / spesifik <i>The stem cells can differentiate into healthy / specific blood cells.</i> 	1 1 1	

	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menggantikan sel-sel yang dimusnahkan oleh kemoterapi atau penyakit <i>To replace cells damaged by chemotherapy or disease</i> • Sel-sel stem mengandungi sel-sel keimunan untuk menentang sel-sel yang menyebabkan leukemia. <i>The stem cells also contain immune cells to fight leukaemic cells.</i> 	1	
		1	max=4
(b)	<ul style="list-style-type: none"> • Kebun A <i>Farm A</i> 	1	
(i)	<ul style="list-style-type: none"> • Anak-anak pokok dihasilkan secara pembiakan seks yang melibatkan persenyawaan gamet. <i>The plantlets are produced by sexual reproduction which involves fertilisation of gametes.</i> • Terdapat variasi pada anak pokok. <i>There are varieties of plantlets produced</i> • Anak-anak pokok mempunyai daya rintangan terhadap penyakit yang berbeza <i>Therefore, the plantlets have resistance towards different diseases</i> • Dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di persekitaran. <i>Able to adapt to the changes in the environment.</i> • Ini dapat memastikan anak-anak pokok dapat hidup lebih lama. <i>This will ensure the plantlets can live longer.</i> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2</p>	1	
		1	Max=2
(ii)	<ul style="list-style-type: none"> • Pilih tumbuhan yang mempunyai daya rintangan terhadap pelbagai jenis penyakit. <i>Choose a plant that is resistant to various types of diseases.</i> • Pilih tumbuhan yang telah diubah suai secara genetik. <i>Choose a plant which has been genetically modified.</i> • Pilih tumbuhan yang mempunyai daya rintangan yang tinggi terhadap racun serangga dan racun rumpai. 	1	
		1	
		1	

	<p><i>Choose a plant that has high resistant to insecticides and pesticides.</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2</p>		Max=2
(iii)	<ul style="list-style-type: none"> • Teknik kultur tisu <i>Tissue culture technique</i> • Tisu daun / pucuk / batang / akar dari pokok induk dipotong kepada cebisan kecil / eksplan <i>The leaves / shoot / stem / root tissues from parent plant are cut into smaller pieces / explants</i> • Cebisan / eksplan dikultur dalam medium nutrien yang disterilkan <i>The pieces of explants are cultured in sterile nutrient medium</i> • Suhu dan medium pH dikekalkan pada tahap optimum <i>The temperature and pH medium are maintained at optimum</i> • Sel membahagi secara mitosis untuk menghasilkan kalus <i>The cells divide by mitosis to produce callus</i> • Kalus kemudian membesar menjadi embrio <i>The callus is then grow into embryo</i> • Embrio berkembang menjadi anak tumbuhan <i>The embryo then will develop into plantlet</i> • Apabila ia bertumbuh ke saiz yang sesuai, klon / anak tumbuhan dipindahkan ke tapak semaian <i>When it has grown to a suitable size, the clone / plantlet is transferred to the nursery.</i> <p style="text-align: right;">Mana-mana 5</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	Max= 5
(c)	<ul style="list-style-type: none"> • Sindrom down <i>Down syndrome</i> • Sejenis penyakit genetik <i>A type of genetic disease</i> • Seorang individu sindrom down mempunyai satu kromosom tambahan pada set ke 21 / trisomi 21 	<p>1</p> <p>1</p>	

	<p><i>An individual with Down syndrome has an extra chromosome at the 21th set / trisomy 21</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Ketidaknormalan semasa pembahagian meiosis</i> <i>Abnormality during division of meiosis</i> • <i>Gentian gelendong gagal berfungsi semasa anafasa I / anafasa II</i> <i>Spindle fibres fail to function during anaphase I / anaphase II</i> • <i>Akibatnya, kromosom gagal berpisah / tak disjungsi</i> <i>As a result, chromosome fails to separate / non disjunction</i> • <i>Kromosom yang dihasilkan mempunyai bilangan kromosom yang tidak normal / 22 atau 24 kromosom</i> <i>Gametes produced have an abnormal number of chromosomes / 22 or 24 chromosomes</i> • <i>Persenyawaan berlaku antara satu gamet normal (gamet dengan 23 kromosom) dan satu gamet tidak normal (gamet dengan 24 kromosom)</i> <i>Fertilisation between normal gamete (gamete with 23 chromosomes) and abnormal gamete (gamete with 24 chromosomes)</i> • <i>Zigot yang tidak normal / zigot dengan 47 kromosom terbentuk.</i> <i>An abnormal zygote / zygote with 47 chromosomes is formed.</i> • <i>Ciri-ciri penyakit ini adalah kecacatan mental / mata sepet / lidah terjelir</i> • <i>The characteristics of this disease are mental retardation / squint eyes / sticky tongue</i> <p style="text-align: right;">• Mana-mana 5</p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p>	<p style="text-align: center;">Max=5</p>
--	---	--	--

BIOLOGI: TINGKATAN 4
BIOLOGY: FORM 4
BAB 7: RESPIRASI SEL
CHAPTER 7: CELLULAR RESPIRATION

KERTAS 1: SOALAN OBJEKTIF
PAPER 1: OBJECTIVE QUESTION

1. Persamaan manakah yang mewakili respirasi aerobik?

Which equation represents aerobic respiration?

- A. Glukosa \longrightarrow asid laktik + tenaga
Glucose \longrightarrow lactic acid + energy
- B. Glukosa + oksigen \longrightarrow karbon dioksida + tenaga
Glucose + oxygen \longrightarrow carbon dioxide + energy
- C. Glukosa \longrightarrow etanol + karbon dioksida + tenaga
Glucose \longrightarrow ethanol + carbon dioxide + energy
- D. Glukosa + oksigen \longrightarrow karbon dioksida + air + tenaga
Glucose + oxygen \longrightarrow carbon dioxide + water + energy

Konstruk: Mengingat

2. Berikut menunjukkan gerak balas seorang atlet dalam acara lari pecut 100m.

The following statements show an athlete's responses in the 100m dash event.

- K : Aras oksigen dalam otot meningkat .
Oxygen level in the muscles increases.
- L: Kadar pernafasan meningkat
Breathing rate increases
- M: Kepekatan karbon dioksida dalam darah meningkat
Carbon dioxide concentration in the blood increases.
- N: Pengecutan otot menghasilkan karbon dioksida
Muscle contraction produces carbon dioxide

Susunan manakah yang betul?


Which order is correct?

- A. K, L, M, N
 B. L, N, M, K
 C. N, K, L, M
 D. N, M, L, K.

Konstruk: Mengaplikasi

3. Rajah 1 menunjukkan satu eksperimen yang dijalankan untuk menyiasat proses respirasi oleh yis.

Diagram 1 shows an experiment carried out to study the process of respiration by yeast.



Rajah 1/Diagram 1

Apakah yang perlu dilakukan dalam aktiviti ini untuk mendapatkan keputusan yang lebih tepat?


What is the action to be taken in this activity to get more accurate result?

- A Menutup tabung didih W dengan menggunakan gabus
Close the boiling tube W by using cork
- B Titiskan minyak paraffin pada permukaan larutan pada tabung didih V
Drop the paraffin oil on the solution in boiling tube V
- C Memanjangkan salur penghantar daripada tabung didih V ke W
Increase the length of delivery tube from boiling tube V to W
- D Menggunakan larutan sukrosa yang tidak dididihkan.
Use unboiled sucrose solution

Konstruk: Menganalisis

4. Berikut ialah persamaan perkataan bagi penghasilan tenaga melalui proses X.

The following is the word equation for the energy production through process X.



Apakah X?

What is X?

- A Glikolisis/ *Glycolisis*
- B Fermentasi Alkohol/ *Alcohol Fermentation*
- C Fermentasi Asid Laktik/ *Lactic Acid Fermentation*
- D Respirasi aerob/ *Aerobic respiration*

Konstruk: Mengingat

5. Rajah 2 menunjukkan product yang dihasilkan melalui proses respirasi anaerob

Diagram 2 shows a product produced by an aerobic respiration.



Rajah 2/ *Diagram 2*

Antara berikut yang manakah merupakan peranan **utama** *Lactobacillus* sp dalam penghasilan yogurt?

Which of the following is the main role of Lactobacillus sp. in the making of Yogurt

- A *Lactobacillus* sp. membantu menggentalkan Kasein (protein susu)
Lactobacillus sp. helps to coagulated casein
- B *Lactobacillus* sp. menjadikan yogurt berasa masam
Lactobacillus sp. causes the yogurt become sour
- C *Lactobacillus* sp. menjalankan fermentasi dan menukarkan laktosa kepada Asid Laktik
Lactobacillus sp. undergoes fermentation and turn lactose to lactic acid

Konstruk: Mengaplikasi

6. Maklumat berikut adalah tentang dua keadaan penanaman tumbuhan R dan tumbuhan S.

The following information is about two conditions of planting plants R and S.

Tumbuhan R / Plant R	Ditanam di tanah tinggi <i>Planted in highland</i>
Tumbuhan S / Plant S	Ditanam di kawasan air bertakung <i>Planted in waterlogged area</i>

Antara yang berikut, yang manakah adalah hasil respirasi akar bagi tumbuhan R dan S?


Which of the following are the products of roots respiration in plants R and S?

	Tumbuhan R / Plant R	Tumbuhan S / Plant S
A	Karbon dioksida dan air <i>Carbon dioxide and water</i>	Etanol dan karbon dioksida <i>Ethanol and carbon dioxide</i>
B	Asid laktik dan karbon dioksida <i>Lactic acid and carbon dioxide</i>	Etanol dan karbon dioksida <i>Ethanol dan karbon dioksida</i>
C	Etanol dan karbon dioksida <i>Ethanol and carbon dioxide</i>	Asid laktik dan karbon dioksida <i>Lactic acid and carbon dioxide</i>
D	Etanol dan karbon dioksida <i>Ethanol and carbon dioxide</i>	Etanol dan karbon dioksida <i>Ethanol and carbon dioxide</i>

Konstruk: Memahami

7. Persamaan berikut menunjukkan respirasi anaerobik dalam sel otot.

The following equation shows anaerobic respiration in muscle cells.



Apakah S?

What is S?

- A. Air/ *Water*
- B. Etanol / *Ethanol*
- C. Asid laktik / *Lactic acid*
- D. Karbon dioksida / *Carbon dioxide*

Konstruk: Mengingat

8. Semasa aktiviti cergas, pengumpulan asid laktik yang tinggi berlaku dan individu tersebut akan menyedut lebih oksigen untuk mengoksidakan asid laktik.

Apakah yang menyebabkan situasi ini berlaku?

While doing vigorous exercise, high accumulation of lactic acid occurs and the individual will inhale more oxygen to oxidize the lactic acid.

What are the causes this situation occurred?

- I Hutang oksigen berlaku/ *Oxygen debt occurred*
- II Respirasi Anaerob berlaku/ *Aerobic respiration occurred*
- III Kurang tenaga dihasilkan/ *Less energy produced*
- IV Banyak oksigen digunakan untuk pengecutan otot rangka
More oxygen used for contraction and relaxation of muscle

- A I dan II C III dan IV
I and II III and IV
- B II dan III D I dan IV
II and III I and IV

Konstruksi: Memahami

9.

Proses Glikolisis melibatkan pemecahan molekul 6C kepada dua molekul 3C
Glycolysis involves breaking down 6C molecule become two 3C molecule

Dimanakah berlakunya proses glikolisis?

Where is the glycolysis process take place?

- A Mitokondria C Mitokondria dan sitoplasma
Mitochondria Mitochondria and cytoplasm
- B Sitoplasma D Kloroplas
Cytoplasm Chloroplast

Konstruksi: Mengingat

10. Antara berikut, yang manakah adalah perbezaan antara respirasi aerob dan anaerob di sel-sel otot?

Which of the following are the products of aerobic and anaerobic respiration in muscle cells?

	Respirasi Aerob <i>Aerobic respiration</i>	Respirasi anaerob <i>Anaerobik Respiration</i>
A	Berlaku di sitoplasma <i>Occur in cytoplasm</i>	Berlaku di sitoplasma dan mitokondria <i>Occur in cytoplasm and mitochondria</i>
B	Berlaku Hutang oksigen <i>Oxygen debt occur</i>	Berlaku dalam kehadiran oksigen <i>Oxygen is present</i>
C	Melibatkan glikolisis dan pengoksidaan asid piruvik <i>Involve glycolysis and oxidation of pyruvate</i>	Menglibatkan glikolisis sahaja <i>Involve glycolysis only</i>
D	Menghasilkan asid laktik dan tenaga <i>Produce lactic acid and energy</i>	Menghasilkan karbon dioksida, air dan tenaga <i>Produce carbon dioxide, water and energy</i>


Konstruk: Memahami

**KERTAS 2
PAPER 2**

**BAHAGIAN A
[9 markah]**

**SECTION A
[20 marks]**

1. Rajah 7.1 menunjukkan proses X dan proses Y yang berlaku dalam sel otot manusia.
Diagram 7.1 shows process X and process Y that occur in human muscle cell.



Rajah 7.1/ Diagram 7.1

a (i) Namakan proses X dan Y

Name the process X and Y

X:

Y:

[2 markah /2 marks]

Konstruk: Mengingat

ii) Nyatakan **dua** perbezaan antara proses X dan proses Y

*State **two** differences between X and Y*


Proses X/ Process X	Proses Y/ Process Y

[2 markah /2 marks]

Konstruk: Menganalisis

b) Rajah 7.2 menunjukkan graf pengambilan oksigen oleh seorang atlet sewaktu menjalankan aktiviti cergas

Diagram 7.2 shows a graph oxygen intake by an athlete during carrying out vigorous activity.



Rajah 7.2/ Diagram 7.2

Sewaktu menjalankan aktiviti ini, atlet tersebut mengalami masalah kekejangan otot.

Terangkan mengapakah kekejangan otot ini berlaku?

During carry out this activity, the athlete faced muscle cramp. Explain why this situation occurred?

.....

.....

.....


[2 markah /2 marks]

Konstruk: Menganalisis

© JPN PERAK

c) Rajah 7.3 menunjukkan *Oriza sativa* di kawasan sawah padi yang berair.

Diagram 7.3 shows Oriza sativa in a waterlogged paddy field.



Rajah 7.3/ Diagram 7.3

i) Berdasarkan Rajah 7.3, nyatakan proses respirasi yang dijalankan oleh *Oriza sativa*.

Based on Diagram 7.3 state the process of respiration carries out by Oriza sativa.

.....

[1 markah /1 mark]

Konstruk: Memahami

ii) Terangkan bagaimanakah *Oriza sativa* bermandiri di kawasan air bertakung?

Explain how Oriza sativa can survive in waterlogged area?

.....

.....

.....

[2 markah /2 marks]

Konstruk: Mengaplikasi

KERTAS 2
PAPER 2

BAHAGIAN C
[20 markah]

SECTION C
[20 marks]

1. Jadual 1 menunjukkan kadar pernafasan seorang pelajar semasa berehat dan semasa melakukan aktiviti cergas.

Table 1 shows the breathing rate of a student during resting and during vigorous activity.

<i>Kadar pernafasan (Pernafasan per minit) Breathing rate (Breath per minute)</i>	<i>Semasa rehat During resting</i>	<i>Semasa aktiviti cergas During vigorous activity</i>
	16	30

Jadual 1/ Table 1

i) Nama proses respirasi yang berlaku sewaktu rehat dan semasa menjalankan aktiviti cergas

Name the process happen during resting and during vigorous activity

[2 markah/2 marks]

Konstruk: Memahami

ii) Terangkan mengapa kadar pernafasan pelajar itu berbeza semasa berehat dan semasa aktiviti cergas.


Explain why the breathing rate of the student is different during resting and during vigorous activity.

[6 markah/ marks]

Konstruk: Menganalisis

- b) Rajah 1 menunjukkan dua jenis tumbuhan di kawasan sawah padi berair

Diagram 1 shows two plants in waterlogged paddy field



Rajah 1/ Diagram 1

- i) Terangkan persamaan proses respirasi yang dijalankan oleh kedua-dua tumbuhan di kawasan sawah padi berair.

Explain the similarities of respiration process carry out by both plants in waterlogged paddy field

[4 markah/ 4marks]

Konstruk: Menganalisis

- ii) Pokok padi mempunyai kemandirian yang lebih baik berbanding lalang di kawasan air bertakung. Terangkan mengapa?

Paddy plant can survive better compare to cogon grass in waterlogged area.

Explain why?

[4 markah/ 4marks]

Konstruk: Mengaplikasi

- c) Sekumpulan pelajar bercadang untuk menjual tapai yang dibuat oleh mereka semasa Hari Karnival sekolah.

Terangkan cara- cara yang boleh dilakukan oleh pelajar tersebut bagi mempercepatkan penghasilan tapai.

A group of students want to sell homemade 'Tapai' during school carnival day.

Explain the steps can be done by the students to produce 'Tapai' faster.

[4 markah/ 4 marks]

Konstruk: Mencipta

JAWAPAN KERTAS 1

Soalan <i>Question</i>	Jawapan <i>Answer</i>
1	D
2	D
3	B
4	C
5	C
6	A
7	D
8	A
9	B
10	C

JAWAPAN KERTAS 2 SOALAN STRUKTUR
BAHAGIAN A

1a)(i)	X- Glikolisis / <i>Glycolysis</i> Y- Pengoksidaan asid piruvik/ <i>oxidation of pyruvate</i>	1 1 Max 2m	©JPN PERAK							
(ii)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Proses X/ <i>Process X</i></th> <th>Proses Y/ <i>Process Y</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Berlaku di sitoplasma <i>Occur in cytoplasm</i></td> <td>Berlaku di mitokondria <i>Occur in mitochondria</i></td> </tr> <tr> <td>Menghasilkan 2 molekul Asid piruvik <i>Produce 2 molecule s of pyruvate</i></td> <td>Menghasilkan karbon dioksida, air dan tenaga <i>Produce carbon dioxide, water and energy</i></td> </tr> <tr> <td>Menghasilkan 2 ATP (bersih) <i>Produce 2 ATPs(net)</i></td> <td>Menghasilkan 34/36 ATP <i>Produce 34/36 ATPs</i></td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2/ <i>Any 2</i></p>	Proses X/ <i>Process X</i>		Proses Y/ <i>Process Y</i>	Berlaku di sitoplasma <i>Occur in cytoplasm</i>	Berlaku di mitokondria <i>Occur in mitochondria</i>	Menghasilkan 2 molekul Asid piruvik <i>Produce 2 molecule s of pyruvate</i>	Menghasilkan karbon dioksida, air dan tenaga <i>Produce carbon dioxide, water and energy</i>	Menghasilkan 2 ATP (bersih) <i>Produce 2 ATPs(net)</i>	Menghasilkan 34/36 ATP <i>Produce 34/36 ATPs</i>
Proses X/ <i>Process X</i>	Proses Y/ <i>Process Y</i>									
Berlaku di sitoplasma <i>Occur in cytoplasm</i>	Berlaku di mitokondria <i>Occur in mitochondria</i>									
Menghasilkan 2 molekul Asid piruvik <i>Produce 2 molecule s of pyruvate</i>	Menghasilkan karbon dioksida, air dan tenaga <i>Produce carbon dioxide, water and energy</i>									
Menghasilkan 2 ATP (bersih) <i>Produce 2 ATPs(net)</i>	Menghasilkan 34/36 ATP <i>Produce 34/36 ATPs</i>									
b)	P1- Berlaku kekurangan oksigen// hutang oksigen(di sel otot) <i>Insufficient of oxygen// oxygen debt in muscle cell</i> P2- sel otot menjalankan respirasi anaerob// fermentasi asid	1 1								

	<p>laktik</p> <p><i>Muscle cell carry out anaerobic respiration// lactate fermentation</i></p> <p>P3- yang menyebabkan kepekatan tinggi asid laktik di tisu otot (menyebabkan berlakunya kekejangan otot.)</p> <p><i>Causes the high concentration of lactate in muscle (and lead to muscle cramp)</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2/ Any 2</p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: right;">Max: 2m</p>
c)(i)	<p>Fermentasi alcohol// respirasi anaerob</p> <p><i>Alcohol fermentation// anaerobic respiration</i></p>	<p style="text-align: center;">1</p>
(ii)	<p>P1- Sel Pokok padi sangat toleran terhadap alcohol</p> <p><i>The cell of paddy plant higher tolerance for ethanol</i></p> <p>P2- Sel pokok padi menghasilkan alcohol dehydrogenase</p> <p><i>These cells produce alcohol dehydrogenase</i></p> <p>P3- dengan menukarkan /memecahkan etanol kepada karbon dioksida (tidak toksik)</p> <p><i>that breakdown/ convert ethanol/alcohol molecule into (non- toxic) carbon dioxide</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2/any 2</p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: right;">Max: 2m</p>
	Jumlah/Total	9 markah

b(i)	S1- Kedua-duanya menjalankan respirasi anaerob/ /fermentasi alkohol <i>Both plants carry out anaerobic respiration// alcohol fermentation</i>	1
	S2- Kedua-dua proses berlaku dalam keadaan kurang/tiada oksigen <i>Both processes occur in low oxygen/ without oxygen</i>	1
	S3 – Kedua-dua process menghasilkan etanol, karbon dioxide dan tenaga <i>Both processes produce ethanol, carbon dioxide and energy</i>	1
	S4- Kedua-dua proses berlaku dalam sitoplasma <i>Both processes occur in cytoplasm</i>	1
	S5- Kedua-dua proses melibatkan pengoksidan glukosa secara separa/tak lengkap <i>Both processes involve incomplete/ partially Oxidation of glucose</i>	1
	Max:4 m Mana-mana 4/ Any 4	
b)(ii)	F1- (Pokok padi boleh hidup dalam air bertakung) yang mengandungi kandungan oksigen yang rendah <i>(Paddy plant can survive in waterlogged) that has low concentration oxygen</i>	1
	P1- Pokok padi jalankan respirasi anaerob/ fermentasi alkohol (di dalam air bertakung) <i>Paddy plant carry out anaerobic respiration/ alcoholic fermentation (in the waterlogged)</i>	1
	P2- menyebabkan pengoksidaan glukosa secara separa/ tidak lengkap <i>Causes incomplete/ partially oxidation of glucose</i>	1
	F2- Sel pokok padi sangat toleran terhadap alcohol yang tinggi <i>Paddy plant cell high tolerance toward high concentration of alcohol</i>	1
	P3- (sel pokok padi akan) menghasilkan alkohol dehydrogenase <i>(The cells will) produce alcohol dehydrogenase</i>	1
P4- untuk menguraikan molekul alkohol kepada karbon	1	

	<p>dioksida (tak toksik) <i>To breakdown alcohol molecule become (non-toxic) carbon dioxide</i></p>	
F6-	<p>Pokok padi mempunyai akar serabut yang pendek <i>Paddy plant has short fibrous root</i></p>	1
P5-	<p>untuk menyerap oksigen pada permukaan air yang bertakung. <i>To absorb oxygen from the surface of waterlogged</i></p>	1
L1-	<p>Pokok lalang (akar dalam air bertakung) mempunyai stomata tertutup <i>The stomata of cogon grass (roots in waterlogged) has closed</i></p>	1
L2-	<p>(yang menyebabkan) proses respirasi dan fotosintesis tidak berlaku <i>(its causes) no respiration and photosynthesis process</i></p>	1
L3-	<p>ia juga menyebabkan kekurangan nutrient dalam tumbuhan/pokok lalang <i>it also causes low nutrients in the plant/cogon plant</i></p>	1
L4-	<p>Di dalam tanah(di kawasan air bertakung) ketiadaan oksigen/pH rendah / kehadiran toksik <i>In the soil (in waterlogged area) no oxygen/ low pH/ present of toxins</i></p>	1
L5-	<p>menyebabkan akar mengalami kerosakan/kematian/boleh diserang oleh penyakit <i>Causes the roots damage/ die/ can be infected by diseases</i></p>	1
	<p>Nota: 2P + 2L= 4 markah/marks OR 3P + 1L / 4P Jika pelajar hanya beri L- Reward 2 markah sahaja</p>	Max:4 m

c)	<p>Langkah-langkah/steps</p> <p>F1: Letakkan lebih yis <i>Add more yeast</i></p> <p>P1: lebih banyak kanji ditukar kepada glukosa <i>More starch breakdown become glucose</i></p> <p>P2(yis menghasilkan) lebih banyak enzim zimase <i>yeast/ragi produce more zymase</i></p> <p>P3: banyak glukosa dipecahkan secara separa <i>more glucose partially breakdown</i></p> <p>P4: Kadar respirasi anaerob meningkat <i>Rate of anaerobic respiration increase</i></p> <p>F2: tetapkan suhu optimum/(32-35°C)</p> <p>P5- enzim dalam yis mempunyai lebih banyak tenaga kinetik <i>enzyme in yeast has more kinetic energy</i></p> <p>P6: Meningkatkan pelanggaran antara enzim dan substrat <i>increase the collision between enzyme and substrate</i></p> <p>P7: lebih banyak enzim-substrat kompleks terbentuk <i>more enzyme-substrate complex form</i></p> <p>P8: Kadar respirasi anaerob meningkat <i>Rate of anaerobic respiration increase</i></p> <p>Nota:</p> <p style="text-align: right;">2F +2 P= 4 markah</p> <p style="text-align: center;">Wajib nyatakan F untuk mendapat markah bagi F</p> <p style="text-align: center;">Jika bagi idea, hanya reward pada P sahaja (Max-2 markah)</p> <p style="text-align: right;">P4/P8: Reward sekali</p>	<p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">1</p> <p style="text-align: right;">Max:4 m</p>
	Jumlah / Total	20 markah/ marks

BIOLOGI: TINGKATAN 4**BIOLOGY: FORM 4****BAB 8: SISTEM RESPIRASI DALAM MANUSIA DAN HAIWAN****CHAPTER 8: RESPIRATORY SYSTEMS IN HUMANS AND ANIMALS****KERTAS 1 – SOALAN OBJEKTIF****PAPER 1 – OBJECTIVE QUESTION**

- 1 Rajah menunjukkan satu organisma.

Diagram shows an organism.



Apakah struktur permukaan respirasi bagi pertukaran gas organisma tersebut?

What is the respiratory surface structure for gaseous exchange of the organism?

- A** Trakea
Trachea
- B** Trakeol
Tracheole
- C** Spirakel
Spiracle
- D** Kantung udara
Air sac

Konstruk: Mengingat

- 2 Antara berikut, ciri lamela yang manakah memudahkan pengangkutan oksigen dan karbon dioksida dalam ikan?

Which of the following characteristics of lamella that ease the transport of oxygen and carbon dioxide in fish?

- A Nipis
Thin
- B Pipih
Flat
- C Banyak kapilari darah
Many blood capillaries

Konstruk: Mengingat


- 3 Antara berikut, yang manakah berlaku semasa hembusan nafas seekor katak?

Which of the following happens during exhalation of a frog?

- A Glotis tertutup
Glottis closes
- B Peparu mengecut
Lungs contract
- C Lubang hidung tertutup
Nostrils close
- D Dasar rongga mulut diturunkan
The floor of the buccopharyngeal cavity is lowered

Konstruk: Mengingat

- 4 Rajah menunjukkan keratan memanjang bagi satu alveolus dan kapilari darah.
Diagram shows a longitudinal section of an alveolus and blood capillary.




Apakah tekanan separa bagi oksigen di X dan Y?
What is the partial pressure of oxygen at X and Y?

	X	Y
A	Rendah <i>Low</i>	Rendah <i>Low</i>
B	Rendah <i>Low</i>	Tinggi <i>High</i>
C	Tinggi <i>High</i>	Rendah <i>Low</i>
D	Tinggi <i>High</i>	Tinggi <i>High</i>


Konstruk: Memahami

- 5 Rajah menunjukkan dua organisma P dan Q.

Diagram shows two organisms P and Q.



P



Q

Apakah struktur yang membolehkan udara masuk ke dalam sistem respirasi organisma P dan Q?

What are the structures that allow the intake of air into the respiratory system in organism P and Q?

	P	Q
A	Spirakel <i>Spiracles</i>	Lubang hidung <i>Nostrils</i>
B	Trakeol <i>Tracheoles</i>	Lubang hidung <i>Nostrils</i>
C	Spirakel <i>Spiracles</i>	Lubang hidung dan mulut <i>Nostrils and mouth</i>
D	Trakeol <i>Tracheoles</i>	Lubang hidung dan mulut <i>Nostrils and mouth</i>

Konstruk: Mengingat

- 6 Rajah menunjukkan sebahagian maklumat tentang mekanisme pernafasan dalam dua organisma yang berlainan.

Diagram shows apart of information about breathing mechanisms in two different organisms.

Organisma <i>Organism</i>	Persamaan <i>Similarities</i>
Ikan <i>Fish</i>	1. Melibatkan perubahan isi padu dalam rongga pernafasan. <i>Involves changes in the volume in the respiratory cavity.</i>
Katak <i>Frogs</i>	2.X.....

Antara berikut, yang manakah mewakili X?

Which of the following represent X?

- A** Mulut bertindak sebagai liang pernafasan

Mouth acts as the respiratory aperture

- B** Dibantu oleh pergerakan pantas dasar rongga mulut

Assisted by the rapid movement of the buccal cavity floor

- C** Mempunyai struktur khas berotot untuk mengembang dan mengecutkan rongga pernafasan

Has special muscular structures to expand and contract the respiratory cavity

Konstruk: Menganalisis

- 7 Asma, bronkitis kronik dan emfisema merupakan penyakit *Chronic Obstructive Pulmonary Disease* (COPD).

Antara faktor berikut, yang manakah boleh menyebabkan penyakit-penyakit tersebut?


Asthma, chronic bronchitis and emphysema are Chronic Obstructive Pulmonary Disease (COPD).

Which of the following factors can cause the diseases?

- I Tinggal berhampiran pusat kitar semula
Lives nearby a recycling centre
 - II Kerap terdedah kepada kawasan kuari
Frequently exposed to a quarry area
 - III Sering menghirup udara yang mengandungi debunga daripada kawasan pertanian yang berdekatan
Often inhale air that contains pollen from nearby agriculture area
 - IV Bekerja di kawasan bertutup dalam tempoh yang lama
Works in a closed area for a long period of time
-
- A I dan II
I and II
 - B II dan III
II and III
 - C III dan IV
III and IV
 - D I dan IV
I and IV

Konstruk: Memahami

- 8 Rajah menunjukkan sistem respirasi pada manusia.
Diagram shows the human respiratory system.



Antara berikut, yang manakah akan berlaku jika struktur R koyak dalam satu kemalangan?

Which of the following will happen if structure R tears off during an accident?

- A** Tekanan dalam rongga toraks lebih rendah berbanding tekanan dalam rongga abdomen
The pressure in the thorax cavity is lower than the pressure in the abdominal cavity
- B** Tekanan dalam rongga toraks lebih tinggi berbanding tekanan dalam rongga abdomen
The pressure in the thorax cavity is higher than the pressure in the abdominal cavity
- C** Tekanan dalam rongga toraks adalah sama dengan tekanan dalam rongga abdomen
The pressure in the thorax cavity is the same as the pressure in the abdominal cavity

Konstruk: Mengaplikasi

